



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

## **Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester I, Sesi Akademik 2016/2017**

### **Kertas Soalan Peperiksaan**

<b>Kod Kursus</b>	<b>: SD 1305</b>
<b>Nama Kursus</b>	<b>: Sistem Keadilan Jenayah &amp; Prinsip Pendakwaan</b>
<b>Peringkat Kursus</b>	<b>: Diploma Kebangsaan Tertinggi Sistem Keadilan Jenayah</b>
<b>Masa</b>	<b>: 3 jam</b>

#### **Nota :**

1. Jawab **semua** soalan dalam bahagian Pertama.
2. Jawab **dua** soalan sahaja dalam bahagian Kedua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## BAHAGIAN PERTAMA

### **Soalan Pertama (20 markah)**

Dalam Sistem Keadilan Jenayah di negara ini terdapat tiga (3) komponen penting dalam pentadbiran keadilan iaitu Hakim, Pendakwa dan Tertuduh dan/atau Peguam. Sila huraikan perkara-perkara berikut:

- (a) Konsep Sistem Keadilan Jenayah dalam pentadbiran keadilan di Mahkamah di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil.  
(5 markah)
- (b) Peranan dan tanggungjawab seorang Hakim.  
(5 markah)
- (c) Peranan dan tanggungjawab seorang Pendakwa.  
(5 markah)
- (d) Peranan dan tanggungjawab seorang Tertuduh dan/atau Peguam nya.  
(5 markah)

### **Soalan Kedua (10 markah)**

Dalam Kehakiman Islam terdapat dua (2) sumber utama perundangan Syariah iaitu Al-Quran dan Al-Sunnah. Sila beri pengertian kedua-dua sumber ini.

(10 markah)

## BAHAGIAN KEDUA

### **Soalan Ketiga (15 markah)**

(a) Dalam urusan perbicaraan kes-kes jenayah terdapat peruntukkan mengenai Tatacara Peraturan Jenayah. Sila terangkan pengertian dan kepentingan Undang-Undang Tatacara Jenayah tersebut.

(5 markah)

(b) Sebelum apa-apa pendakwaan di jalankan, perkara yang perlu di perolehi oleh Penguatkuasa Undang-Undang adalah maklumat, aduan siasatan, tangkapan, geledah dan jaminan. Sila huraikan.

(10 markah)

### **Soalan Keempat (15 markah)**

(a) Dalam proses pendakwaan terdapat beberapa tindakan Pendakwa dalam menyiapkan Kertas Pendakwaan. Sila terangkan apakah peranan Ketua Pendakwa Syarie dalam persiapan Pendakwaan tersebut?

(10 markah)

(b) Apakah pertimbangan yang akan diambilkira untuk pendakwaan seorang Tertuduh?

(5 markah)

**Soalan Kelima (15 markah)**

Perbicaraan kes-kes jenayah adalah satu proses yang membabitkan pengemukaan Pertuduhan dan seterusnya perbicaraan kes tersebut. Sila huraikan perkara-perkara berikut:

- (i) Apakah prosedur yang di gunapakai di dalam proses perbicaraan sesuatu pertuduhan yang dikenakan kepada Tertuduh.  
(5 markah)
  
- (ii) Apakah kewajipan seorang Pendakwa dalam beban pembuktian terhadap Tertuduh di peringkat prima facie dan di akhir perbicaraan kes?  
(5 markah)
  
- (iii) Terangkan prosedur yang di gunapakai apabila seorang Tertuduh mengaku bersalah.  
(5 markah)

**Soalan Keenam (15 markah)**

- (a) Terangkan prosedur apabila Tertuduh tidak mengaku bersalah.  
(5 markah)
  
- (b) Dalam proses pemeriksaan Saksi di dalam satu-satu perbicaraan kes jenayah di peringkat pendakwaan, terdapat Pemeriksaan Utama, Pemeriksaan Balas dan Pemeriksaan Semula.  
Sila huraikan kaedah-kaedah yang di sebut di atas. (10 markah)

**Soalan Ketujuh (15 markah)**

(a) Apakah tanggungjawab seorang Hakim di dalam proses penyediaan penghakiman dan hukuman seorang Tertuduh yang telah di sabit kesalahannya? (10 markah)

(b) Sila terangkan tanggungjawab seorang peguam di dalam proses rayuan terhadap sabitan dan hukuman seorang Tertuduh. (5 markah)

بالتوفيق والنجاح